

Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,  
di upacara merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke 17 Bank Kerjasama  
pada 11hb November, 1972. jam 9.00 pagi di Dewan Tunku Chanselor, Universiti Malaya.

Terlebih dahulu. sukalah saya mengambil sempena hari dan bulan yang berbahagia ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada saudara saudara, sambil berdoa semoga apa jua usaha yang kita kerjakan mendapat hidayat Allah dan membawa kepada kejayaan yang sempurna.

Hari ini juga membawa erti yang besar kepada Bank Kerjasama Malaysia dan ahli-ahlinya di seluruh negara dengan berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan Ke 17 ini. Ibarat seorang gadis, ianya telah menjadi perawan rumaja yang mempunyai daya penarik istimewa di kalangan orangramai kerana sekitarnya terhimpun tenaga ratusan ribu anggota anggota koperatif perseorangan dan syarikat kerjasama yang bergabung dengan Bank ini.

Seperti yang sama-sama kita maklum. Bank Kerjasama telah memulakan lembaran sejarahnya secara sederhana dalam tahun 1954 dan hari ini merupakan sebuah credit institution yang terkemuka dengan modal saham hampir hampir \$6 juta. Dengan simpanan tetap dan savings account meningkat lebih \$16 juta dan modal perniagaan lebih \$36 juta. kemajuan yang dicapai oleh Bank ini dalam masa sebegitu singkat bolehlah dibanggakan.

Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pimpinan Bank ini. terutama Encik Abu Mansor dan rakan-rakannya tua dan muda yang telah bekerja kuat memajukan Bank ini dan menaikkan imejnya dalam sektor kewangan negara khasnya kalangan swasta. Dalam hubungan ini. sukalah saya menyebut langkah bersejarah iaitu mengadakan Perjanjian Kerjasama dengan Bank Chase Manhattan bulan Jun dulu di mana kedua-dua bank bekerjasama membiayai projek-projek pertanian, perdagangan dan perindustrian. Saya percaya dengan adanya peraturan ini. Bank Kerjasama boleh mengambil peranan utama sebagai pelupur rural credit demi Perkembangan ekonomi luar bandar.

Saudara-saudara.

Seperti yang seringkali saya sebutkan di masa sudah-sudah, saya ingin supaya gerakan koperatif di negara kita ini benar benar menjadi alat untuk revolusi ekonomi di kalangan rakyat luar bandar khasnya orangorang Melayu. Demi tujuan inilah saya menggesa supaya pertubuhan-pertubuhan koperatif luar bandar bergerak dengan sikap baru dan lebih dinamis memberikan pimpinan kepada masyarakat tempatan supaya mereka benar-benar memahami matlamat Dasar Ekonomi Baru dan menyertai kegiatan-kegiatannya.

Pada amnya. gerakan kerjasama luar bandar telah mencapai banyak kemajuan misalnya melalui syarikat kerjasama kilang padi, kedai runcit. pengangkutan dan lain-lain. Bagaimanapun, lapangan yang terbuka masih luas lagi dan dalam hubungan ini saya rasa credit institution seperti Bank Kerjasama ini boleh memainkan peranan penting - identifying projects, planning, financing dan co-ordinating kegiatan-kegiatan pertubuhan kerjasama supaya mendapat faedah besar. Umpamanya. dalam briefing yang diberikan kepada saya beberapa hari lalu. ada rancangan Bahagian Belia meningkatkan kegiatan Farming Youths atau Belia Tani dilapangan cash-crop farming seperti bertanam sayur-sayuran dan sebagainya. Mereka ada kemahuan. ada tenaga dan sudah ada pun projek yang ditentukan tetapi mereka perlukan modal. Saya fikir sangatlah baik bagi banking institution yang rural-oriented menumpukan perhatian kepada usaha-usaha seperti ini dan dengan itu membantu beha kita supaya berdikari dan mengurangkan tekanan pengangguran di kalangan mereka.

Saudara-saudara

Meskipun perkara ini telah seringkali saya katakan di masa lalu. namun perlu saya mengulangi lagi hasrat Kerajaan hendak mengubah structure masyarakat sebagai jaminan untuk masa depan yang lebih cerah bagi negara kita. Prinsip utama dalam proses penyusunan semula atau restructuring of society ini ialah perubahan sikap orang-orang kita supaya menerima norm atau ukuran hidup baru sesuai dengan keperluan masyarakat modern. Dalam ertikata yang lain, masyarakat negara ini khasnya masyarakat Melayu menghendaki proses perubahan sikap yang lambat laun menjadikan masyarakat modern atau urbanised kedua-dua dari segi pemikiran dan juga penghidupan.

Urbanisation atau pembedaran yang saya maksudkan itu bukanlah bermakna semata-mata membawa orang-orang kita berhijrah ke bandar atau pun dengan membawa keadaan hidup modern bandar ke kampung semata-mata. Proses berhijrah memang tetap berlaku terutama beha mencari pekerjaan. Tetapi perubahan yang kita kehendaki ialah dalam bentuk pemikiran yang sesuai dengan keadaan hari ini di mana setiap orang hendaklah berusaha bersungguh-sungguh memnggikan pendapatannya supaya dapat menikmati taraf ekonomi yang lebih baik daripada keadaan dalam masa yang lalu. Dengan keadaan ekonomi dan sosial yang lebih baik maka dapatlah mereka memberikan jaminan kehidupan yang lebih baik pula kepada anak-anak mereka yang mewarisi kehidupan mereka kelak.

Berhubung dengan ini maka mustahak orang-orang kita yang diam di kampung menerima dan mengamalkan konsep ekonomi kewangan dan menjimatkan sebahagian daripada pendapatan mereka samada di simpan di bank seperti Bank Kerjasama ini ataupun bank-bank yang lain untuk digunakan sebagai modal pelaburan dalam projek-projek yang disusun oleh Kerajaan seperti Amanah Saham MARA dan sebagainya.

Bentuk masyarakat hendaklah diubah dan kehidupan secara subsistence yang lama itu sudah tidak sesuai lagi dengan kehendak-kehendak kita hari ini. Sebaliknya, mereka itu hendaklah dipimpin supaya lebih mementingkan usaha-usaha pendapatan atau income oriented kerana dengan cara itu sajalah mereka dapat mengumpul harta pendapatan yang lebih kekal dan bermanfaat kepada mereka dan kaum keluarga mereka di masa hadapan.

Begitu juga Kerajaan sedang memperhebatkan proses memajukan pekan-pekan kecil dan sederhana sebagai new growth centres, termasuk kawasan-kawasan baru di Pahang Tenggara, di Jengka Tiga Segi, di Johor Tenggara dan lain-lain. Saya berharap dalam masa beberapa tahun yang akan datang ini, pusat-pusat pertumbuhan baru ini akan menjadi tumpuan sebahagian besar daripada orang-orang kita sebagai tempat atau tapak kehidupan baru mereka di mana mereka akan diam dalam suasana masyarakat perindustrian dan perdagangan. Pusat-pusat baru ini akan membuka peluang dan kesempatan yang lebih luas terutama bagi kalangan beha yang terlatih dalam jurusan kemahiran sama ada bekerja di kilang-kilang perindustrian atau di dalam lapangan pertanian modern mahu pun sebagai pengusaha sendiri.

Bagaimanapun, bagi sebahagian terbesar orang-orang kita yang kekal diam di kampung, mereka bakal ketinggalan zaman jika tidak sama-sama terlibat atau melibatkan diri dalam proses pembedaran ini. Saya rasa dengan panduan dan pimpinan melalui gerakan koperatif, Persatuan peladang, belia tani dan lain-lain perubahan ini dapat dilancarkan meliputi seluruh negara dan melibatkan semuanya.

Inilah tujuan muktamad Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bukan hanya setakat mengadakan peluang-peluang bekerja. memajukan kawasan-kawasan baru dan membina new growth centres. Bahkan yang lebih penting dan utama kepada saya ialah membentuk manusia Malaysia baru yang bakal menjadi anggota masyarakat Malaysia baru untuk zaman berzaman sesuai dengan kemajuan sains dan teknologi

Saudara-saudara

Berbalik semula kepada Bank Kerjasama ini, inginlah saya mengulangi harapan semoga ianya meneruskan usaha usaha besar terutama dibidang perindustrian modern seperti rancangan Paper dan Pulp Industry di samping kegiatan-kegiatan biasanya. Pengalaman menjadi underwriter seperti dengan Syarikat Unilite baru baru ini adalah menggalakkan dan patutlah dilipatgandakan dimasa akan datang.

Malaysia masih dapat mencan pengalaman di bidang koperatif dari negara-negara Barat yang membangun. Kegiatan-kegiatan koperatif di negara seperti Denmark dan Sweden patut kita tauladani dan diubahsuaikan menurut keperluan kita di sini.

Begitu juga saya perhatikan konsep koperatif yang berjalan di negara-negara lain di Eropah Timur sangat berkesan dan patut benar disesuaikan dengan gerakan koperatif di negara kita ini. Satu hal yang sungguh menarik perhatian saya ialah gerakan koperatif di sana yang maju dan progresif memasuki lapangan perniagaan dan perindustrian secara besar-besaran, di mana ahli-ahli koperatif sendiri ikut serta dalam kegiatan-kegiatan dan tidak hanya menjadi ahli yang pasif sahaja. Pada pendapat saya, konsep penyertaan atau participation ahli-ahli ini patut benar dijalankan dengan lebih luas lagi khasnya di bidang consumer trade dan consumer service. Umpamanya. dengan mengadakan satu rangkaian kedai-kedai atau a chain of consumer shops di merata rata tempat maka ahli-ahli koperatif akan berpeluang melibatkan diri mereka atau pun menempatkan anak-anak mereka bekerja dan belajar berniaga di situ. Inilah cara yang benar-benar memberi kesan kepada ahli ahli koperatif supaya menumpukan minat mereka kepada kegiatan koperatif dan menarik lebih ramai orang-orang kita memasuki gerakan itu. Konsep inilah saya fikir dapat menggerakkan koperatif kita melangkah maju dengan lebih pesat lagi di masa akan datang. Jadi. tegasnya janganlah bimbang mempelajari kemajuan negara-negara lain asal saja mendatangkan manfaat kepada kita semua.

Saudara-saudara

Dengan harapan semoga Bank Kerjasama ini mencapai kejayaan yang terus menerus, saya dengan sukadanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Bank ini dengan ucapan selamat bersidang.



*Gambar ini menunjukkan Ketua Pengarah LPP, Encik Ahmad Sarji bin Abdul Humid memberi makluman kepada Allahyarham YAB Tun Abdul Razak bahawa upacara pelancaran mesyuarat pertama Pehak Berkuasa Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majlis Penasehat Peladang boleh dimulakan. Tarikh mesyuarat yang berkenaan ialah 19hb November, 1973, di Bilek Gerakan LPP Kuala Lumpur.*